

# Kajian Mengenai Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang, Malaysia: Dari Perspektif Islam

*A Study on the Marriage Customs of the  
Jawi Peranakan Indian Muslims in Penang, Malaysia:  
From Islamic Perspective*

**Abdul Munir Ismail\*, Mohd Noor Bin Daud**

*Dept Islamic Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University (UPSI),  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

*\*Corresponding author, Email:abdmunir@fsk.upsi.edu.my*

## **Abstrak**

*Adat istiadat merupakan perkara yang sangat sebatи dalam masyarakat sehingga tidak boleh ditinggalkan. Dalam komuniti Jawi Peranakan India Muslim di Pulau Pinang terdapat amalan yang dijadikan suatu kewajipan untuk dilaksanakan termasuklah dalam majlis perkahwinan. Kadang-kadang dalam pengamalan adat itu terdapat pengaruh dari agama-agama lain yang bercanggah dengan agama Islam. Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan adakah terdapat pengaruh agama Hindu dalam amalan adat istiadat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan dan mengenalpasti amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Kaedah kajian adalah penyelidikan perpustakaan, kajian lapangan dan temubual seramai 20 responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan di kawasan sekitar Georgetown khususnya di Jalan Masjid Kapitan Keling. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti masyarakat Jawi Peranakan masih mengamalkan adat istiadat nenek moyang mereka dengan mencampur aduk adat Melayu setempat terutamanya dalam upacara perkahwinan. Mereka percaya bahawa mengikut adat istiadat dan pantang larang yang diwarisi akan memberi kesan besar terhadap keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga. Ini menunjukkan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang pada hari ini masih lagi mengamalkan adat istiadat yang dipengaruhi agama Hindu dan sesetengah amalan yang dilakukan bertentangan dengan syariat Islam. Kajian ini menghasilkan kefahaman mengenai adat istiadat perkahwinan yang berlandas dan yang tidak berlandaskan ajaran agama Islam.*

**Kata kunci** adat, perkahwinan, Jawi Peranakan, Pulau Pinang

## **Abstract**

*Customs are part and parcel of a society to such an extent that they cannot be done without. In the Jawi Peranakan community of Indian Muslims in Penang, there exist*

*practices that have become a must to perform such as in a marriage ceremony. Sometimes the practices are influenced by other religions and opposed to Islam. This study was conducted to explicate whether or not there exist Hindu influence in the marriage ceremony customs in the Jawi Peranakan and to identify practices that are contrary to the teachings of Islam. The research method was of library research, field investigation and interviews with 20 respondents of both sexes conducted in the vicinity of Georgetown specifically at Jalan Masjid Kapitan Keling. The results show that majority of the Jawi Peranakan community still practise the customs of their ancestors mixing them with the local Malay customs, especially in marriage ceremonies. They believe that by adhering to the inherited customs and taboos would have a big impact on the harmony and happiness of the marriage. This shows that the Jawi Peranakan in Penang today still practise customs influenced by Hinduism and some of the practices are contrary to Islam laws. This study throws the light to the practices in the marriage customs that do and do not abide to the teachings of Islam.*

**Keywords** customs, marriage, Jawi Peranakan, Penang

## Pendahuluan

Perkahwinan atau nikah merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Perkahwinan menurut syarak bermaksud suatu ‘aqad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan menurut peraturan yang ditentukan oleh Islam. Definisi yang lebih lengkap dijelaskan oleh Abu Zahrah (1957). Menurut beliau perkahwinan ialah suatu akad yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan, mewujudkan sikap tolong menolong antara mereka berdua, dan suatu akad yang menentukan hak dan kewajipan masing-masing. Pensyariatan perkahwinan ini mempunyai banyak hikmah. Abd Kadir, (2002) menjelaskan bahawa antara hikmah dituntut supaya manusia berkahwin adalah supaya manusia yang dijadikan berpasang-pasangan dapat hidup bahagia, melahirkan zuriat, menghalalkan hubungan kelamin dan mengharamkan zina. Perintah Allah kepada manusia supaya berkahwin dijelaskan dalam Al-Quran sebagai berikut:

Maksudnya: dan kahwinlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. jika mereka miskin, Allah akan berikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha mengetahui.

(Al-Quran: 18: 32)

Ayat di atas menjelaskan tentang perintah untuk berkahwin. Dalam melaksanakan perkahwinan, kadang-kadang terdapat beberapa proses yang dikenali sebagai adat istiadat yang dilaksanakan mengikut amalan dan kepercayaan sesuatu masyarakat. Adat dan kepercayaan lazimnya tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia yang telah diamalkan sejak turun temurun. Terdapat juga amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kajian ini akan membincangkan adat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam Pulau Pinang yang dilakukan dari awal proses peminangan, ketika masjis perkahwinan dan seterusnya.

## Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti adat istiadat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Muslim Pulau Pinang yang masih diamalkan di Pulau Pinang. Seterusnya mengkaji sama ada adat itu bertentangan dengan ajaran agama Islam ataupun tidak. Kajian ini penting kerana dapat mendedahkan kepada masyarakat khasnya di tempat kajian mengenai status hukum terhadap adat istiadat yang masih dilaksanakan itu sama ada ada bertentangan ataupun tidak. Dengan itu, masyarakat dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan tuntutan syarak.

## Metode kajian

Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan (temubual). Metode kajian perpustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan landasan teori kepada kajian ini. Antara data yang diperolehi melalui kaedah ini adalah berkaitan dengan konsep hukum Islam, adat dalam masyarakat Melayu, Masyarakat Jawi Peranakan India dan lain-lain. Metode temubual pula digunakan untuk adat-adat perkahwinan yang diamalkan oleh Masyarakat Jawi Peranakan India dan beberapa guru agama bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai amalan tersebut dari sudut pandangan agama. Metode ini dilihat penting kerana responden yang berada di tempat kajian lebih mengetahui dan memahami, justeru pandangan mereka itu dibina atas gambaran yang tepat.

## Latar belakang kajian

Masyarakat Jawi Peranakan India Islam Pulau Pinang dilihat komuniti tersebut mempunyai adat resam perkahwinan yang tersendiri dan unik, berbeza dengan adat yang dipegang oleh masyarakat lain. Percampuran adat perkahwinan Melayu dengan India mempengaruhi perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam Pulau Pinang hingga kini. Antara adat perkahwinan yang dikaji adalah berkaitan merisik, meminang, bertunang, penghantaran belanja dan majlis bersanding. Berikut dibincangkan adat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam Pulau Pinang dengan lebih mendalam.

## Adat merisik bakal pengantin

Omar (2012) menyatakan bahawa adat merisik masyarakat Jawi Peranakan India Islam biasanya dilakukan oleh ibu bapa calon pengantin lelaki. Walau bagaimana pun, adat merisik tidak akan dilakukan sekiranya calon pengantin lelaki belum bersedia untuk berumahtangga. Aktiviti merisik mencakupi aspek mencari maklumat latar belakang gadis dengan bertanya kepada jiran tetangga atau saudara mara terdekat keluarga pihak perempuan. Juga diselidiki latar belakang keluarga perempuan, tahap pendidikan agama, kemahiran memasak, membuat kerja rumah, tingkah laku gadis dan sebagainya.

Setelah mendapat maklumat latar belakang gadis dan keluarganya, maka ibu bapa lelaki akan berjumpa dengan keluarga perempuan secara mengejut untuk melihat keadaan gadis tersebut secara langsung. Dipercayai jika gadis sedang mandi, maka tanda perkahwinan itu akan aman damai. Jika sedang memasak, dipercayai kehidupan rumah tangga yang bakal dibina itu tidak akan bahagia. Hanapi (1984) menjelaskan bahawa jika terdapat halangan atau berlaku sesuatu yang buruk ketika dalam perjalanan menuju ke rumah calon perempuan itu, dipercayai sesuatu yang buruk akan berlaku seperti penceraian atau rumah tangga tidak bahagia. Untuk mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku, hasrat itu terpaksa dibatalkan.

Omar dan Jamaludin (2010) menyatakan jika ibu bapa bakal pengantin lelaki berpuas hati dan berhasrat meminang gadis tersebut, maka *cincin tanya* akan dihantar kepada ibu bapa gadis melalui wakil sebagai tanda bahawa pihak calon lelaki akan datang meminang gadis tersebut. Lazimnya, cincin diletakkan di dalam sehelai sapu tangan cantik dan bersulam. Dipercayai anak dara yang lambat mendapat jodoh sehingga mencapai umur dua puluh lima tahun, gadis tersebut terkena *sial badan* atau dikenali juga sebagai *sial majal*. Bomoh akan digunakan untuk membuang *sial majal* ini dan upacara ini dipanggil *mandi buang sial* dimana gadis tersebut dimandikan dengan air limau. Seterusnya khidmat bomoh digunakan untuk *menelek jodoh* bagi melihat sama ada pasangan hidup anak mereka serasi atau tidak. Selain itu, mandi safar ini juga dilakukan untuk membuang majal sial pada bakal pengantin yang berhasrat melangsungkan perkahwinan.

### **Adat meminang**

Meminang bermaksud pihak keluarga lelaki atau wakilnya menyuarakan hasrat untuk mengahwini seseorang wanita. Peminangan dalam Islam adalah merupakan satu proses untuk mencari dan mendapat persetujuan seorang wanita untuk dikahwini. Abd. Kadir (2002) menyatakan bahawa seorang wanita berhak menerima pinangan jika dia bersetuju. Jika peminangan di tolak, maka pihak lelaki hendaklah bersedia mencari calon lain. Sesungguhnya urusan berhubung dengan jodoh sudah ditentukan oleh Allah di dalam Luh Mahfuz.

Al-Latifi (2000) menjelaskan bahawa meminang adalah harus dilakukan dengan perkataan terang atau secara kiasan terhadap gadis. Diharamkan peminangan ke atas perempuan yang telah dipinang oleh orang lain atau janda yang masih dalam 'iddah. Firman Allah S.W.T,

Maksudnya: dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam idah), atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut atau mengingati) mereka, (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara sindiran) yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum idah yang ditetapkan itu. Ketahuilah sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaanNya, dan ketahuilah, Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyabar

(Al-Quran, 2: 235)

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa hikmah meminang dengan kata-kata yang jelas adalah bertujuan untuk memastikan perempuan yang ingin dipinang itu bukan tunangan orang lain serta wanita hendaklah menyatakan mengenai idahnya. Jika pinangan atas pinangan orang lain, maka peminangan itu tidak sah kerana menimbulkan masalah. Oleh itu, dalam melakukan peminangan haruslah berhati-hati demi menjaga kesejahteraan hidup yang murni di dunia dan di akhirat.

Masyarakat Jawi Peranakan India Islam melakukan peminangan dengan menghantar rombongan terdiri daripada waris terdekat seperti ibu bapa, datuk, nenek atau ahli keluarga yang lebih tua. Noor Aini (2005), mengatakan bahawa biasanya ibu bapa pihak lelaki menyerahkan tugas-tugas itu kepada wakil yang dipilih oleh mereka. Dalam majlis peminangan disaksikan juga oleh ketua kampung, tok imam dan beberapa jiran tetangga yang terdekat. Fokus perbincangan adalah berkisar kepada jumlah mas kahwin, jumlah wang hantaran, tempoh pertunangan, tarikh menghantar wang hantaran, tarikh perkahwinan dan syarat lain yang diminta oleh keluarga gadis. Di akhir majlis dilakukan upacara menyarung cincin dan *suap gula* akan dilakukan oleh ibu pihak lelaki kepada gadis yang bakal menjadi menantu mereka. Diikuti tradisi ahli keluarga lelaki menuapkan gula dan susu ke mulut bakal pengantin wanita. Sohaimi (2007), mengatakan bahawa dipercayai perbuatan menuapkan sedikit gula ke dalam mulut gadis bertujuan untuk kemanisan dalam alam perkahwinan serta sebagai tanda gadis tersebut sudah berpunya. Adat ini unik kerana hanya terdapat dalam masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Jalan Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang.

Dalam isu wang hantaran, masyarakat Jawi Peranakan India Islam mempercayai ia mestilah dalam jumlah ganjil kerana angka ganjil melambangkan sifat Allah Yang Maha Esa. Kerana itu, barang-barang hantaran mestilah dalam jumlah ganjil. Barang barang hantaran adalah tepak sirih, cincin emas berbatu berlian atau intan dan diiringi barang berharga yang lain. Mereka juga mempercayai bahawa terdapat waktu-waktu tertentu yang boleh membahagikan sesuatu perkahwinan. Menurut kepercayaan mereka, bulan Safar dipercayai bulan yang tidak sesuai mengadakan majlis perkahwinan. Sementara bulan Syawal, Zulkaedah, Zulhijjah kecuali bulan Ramadan adalah bulan-bulan dalam kalender Islam yang sesuai dipilih mengadakan upacara meminang, akad nikah dan kenduri kahwin kerana dipercayai membawa kebahagiaan kepada anak-anak mereka. Dari segi hari pula, kebanyakan ibu bapa mengadakan majlis perkahwinan pada hari Isnin, Khamis atau Jumaat bagi mengadakan kenduri kahwin. Manakala pada hari Rabu bulan Safar dianggap sebagai bulan sial.

## **Adat berinai**

Kemeriahan sesuatu majlis perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam bermula pada malam berinai atau dikenali sebagai *mehndi*. Nor Aini (2005), mengatakan bahawa malam berinai merupakan satu budaya masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Jalan Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang dilaksanakan oleh keluarga yang berpegang kuat kepada adat istiadat perkahwinan. Acara ini melibatkan pengantin perempuan dan pengantin lelaki. Lazimnya majlis berinai diadakan sehari sebelum majlis perkahwinan, diadakan secara berasingan di rumah keluarga masing-masing. Upacara didahului di rumah pengantin lelaki dan pengantin perempuan memulakan

majlis *mehndi* sejurus menerima rombongan pengantin lelaki dengan membawa dulang berisi semangkuk inai digunakan bagi menyempurnakan upacara tersebut. Seterusnya wakil pihak lelaki bertandang ke rumah pengantin perempuan, membawa semangkuk inai bersama dulang hantaran, persalinan sari pengantin perempuan, rantai emas dan sebentuk cincin.

### **Majlis akad nikah**

Ijab dan kabul adalah rukun nikah yang perlu dilaksanakan dan tidak sah perkahwinan itu jika tidak dilaksanakan dengan menurut syarat-syaratnya. Ijab dan kabul adalah satu dasar perkahwinan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, tanpa paksaan sama ada dari calon suami atau pun isteri. Ijab adalah suatu ucapan pengakuan daripada pihak bakal isteri bahawa ia bersedia dinikahkan dengan bakal suaminya yang diucapkan oleh wali kerana wali adalah hak ke atas wanita tersebut. Manakala istilah kabul ialah pengakuan bakal suami bersetuju menerima pernikahan itu.

Majlis akad nikah dilakukan di rumah pengantin perempuan menggunakan khidmat imam mewakili kepada wali pengantin perempuan sebagai jurunikah dan terdapat juga masyarakat menyempurnakan akad nikah dalam masjid bertujuan bagi mengambil berkat. Noriah dan Omar (2010) menyatakan bahawa selesai akad nikah, upacara membatalkan air sembahyang dilakukan dengan pengantin lelaki menyarungkan cincin ke jari pengantin perempuan, mengalungkan kalungan *bunga malei* dan menuap susu yang dicampur dengan pisang (pisang dilenyek sehingga lumat) serta mengalungkan *thali* berupa rantai diperbuat daripada manik dan kepingan emas berbentuk buah gandum. *Thali* atau *tjurumaangalyam* merupakan lambang suci perkahwinan. Bagi masyarakat Jawi Peranakan India Islam. Pada *thali* itu diikat segumpal benang putih yang disapu dengan kunyit. Adat penyediaan *thali* ini dilakukan tujuh atau sembilan hari sebelum hari perkahwinan. Pihak lelaki akan membawa emas, cendana, kumkum, sirih pinang, kelapa dan bayaran untuk pembuat *thali*. Ini adalah untuk memastikan tukang *thali* mengetahui hari yang sesuai untuk membuatnya. Mereka menyarungkan *thali* pada pengantin perempuan semasa majlis akad nikah berlangsung. Namun, sekarang *thali* tersebut digantikan dengan rantai manik gandum supaya tidak menampakkannya bertentangan dengan ajaran agama Islam. tetapi simboliknya tetap sama iaitu merupakan lambang suci perkahwinan.

Nor Aini (2005) menjelaskan masyarakat Jawi Peranakan India Muslim dilihat amat terpengaruh dengan adat istiadat India iaitu sewaktu upacara kalungan *thali* ini berlangsung. *Atchatai* iaitu beras yang dicampur kunyit serta bunga disusun di atasnya ditaburkan ke atas pengantin sebagai tanda restu. Seterusnya pengantin bertukar kalungan bunga malei dipakai sebanyak tiga kali. *Bunga malei* sebagai alat menyampaikan niat masing-masing dan simbol kesejahteraan serta kebahagiaan rumah tangga. Istilah *malei* membawa maksud kalungan pelbagai jenis bunga seperti bunga mawar, orkid dan melur diikat menggunakan tali. Mereka menganggap bunga malai sebagai simbolik untuk kebahagiaan dalam perkahwinan. Pengantin diraikan dengan paluan kompong dan keluarga berkemampuan mengarak pengantin dengan menaiki kuda yang dihiaskan indah.

## Majlis persandingan

Bersanding merupakan kemuncak dalam adat perkahwinan. Pengantin diandam oleh mak andam dengan menggunakan adunan barang sepinggan beras, sebiji kelapa, minyak wangi, buah limau purut, bekas bara dan beberapa helai daun sirih. Tempat bara dicampurkan dengan kemenyan digunakan untuk mengaspas wajah pengantin perempuan bagi membuang sial majal. Sohaimi (2007) mengatakan bahawa mandi limau dipercayai dapat mengelak kejadian buruk, sewaktu majlis bersanding berlangsung. Untuk kelihatan lebih cantik, dibuang bulu kening dan bulu romah serta dipakai pelbagai barang kemas melambangkan kekayaan seseorang.

Sewaktu pengantin disandingkan, upacara menepung tawar disempurnakan oleh keluarga pengantin perempuan dan pengantin lelaki. Aktiviti menepung tawar dilengkapi adat bersuap-suapan dengan sedikit nasi kunyit diletakkan pada jari pengantin perempuan dan disuapkan ke mulut pengantin lelaki dan dilakukan juga kepada pengantin perempuan.

## Majlis kenduri

Masyarakat Jawi Peranakan India Islam memakai barang kemas sewaktu menghadiri majlis perkahwinan. Barang kemas melambangkan kemewahan seseorang. Dipercayai orang memakai barang kemas disambut lebih istimewa berbanding orang kurang memakai barang kemas. Ada yang menggadai tanah, berhutang atau meminjam barang kemas daripada orang lain untuk menghadiri sesuatu majlis perkahwinan. Tanpa barang kemas kaum wanita tidak akan menghadiri majlis perkahwinan kerana tidak mahu menanggung malu walaupun majlis perkahwinan itu dianjurkan oleh ahli keluarga yang terdekat.

Mustafa (1995) menjelaskan bahawa perbuatan tersebut di atas amat bertentangan dengan ajaran agama Islam. Majlis kenduri kahwin diadakan bertujuan untuk menghebahkan perkahwinan itu kepada masyarakat dengan menjemput saudara-mara terdekat serta warga miskin setempat. Kenduri adalah malahirkan tanda syukur, mendapatkan keberkatan majlis serta amalan sedekah yang dituntut dalam agama Islam. Sebagaimana Firman Allah S.W.T,

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakit, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

(Al-Quran 2: 264)

Berdasarkan kepada nas al-Quran di atas umat Islam ditegah membelanjakan harta dalam walimatul urus dengan sifat bermegah-megah atau untuk dipuji orang dan

berlebih-lebihan melampaui batas. Perbuatan itu dilarang dalam Islam. Selain itu juga, agama Islam juga tidak membenarkan membelanjakan harta di luar dari kemampuan sehingga menyebabkan berhutang dan bergadai.

### **Memohon restu dari tok nenek**

Pengantin yang selesai berkahwin dikehendaki membuat nazar pada kuburan nenek moyang bertujuan untuk memohon restu daripada nenek moyang agar perkahwinan mereka kekal sehingga ke anak cucu. Omar (2010) menyatakan amalan meminta sesuatu daripada makam orang-orang mulia. Aktiviti ini lazimnya dilakukan di Masjid Nagore dan kubur isteri Kapitan Keling, Patheni Amma. Pasangan pengantin menyalakan lilin dan mengelilingi makam untuk memohon sesuatu kebaikan kepada roh si mati (berasal dari India dimana abu mayat ditanam di Masjid Kapitan Keling) dipercayai sebagai penyampai hajat kepada Allah S.W.T. Dipercayai jika pengantin baharu tidak melakukan perkara tersebut, kejadian buruk akan menimpa pasangan suami isteri yang baru berkahwin. Kini amalan tersebut sudah berkurangan, segelintir masyarakat masih lagi mempercayai dan melakukan amalan pemujaan hingga kini.

### **Analisis Menurut Perspektif Islam**

Bagi menjawab persoalan tersebut, pengkaji menemu bual beberapa tokoh bagi mendapat penjelasan. Hasil perbincangan di atas, didapati terdapat amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam dalam adat perkahwinan masyarakat Jawi peranakan India Muslim di Pulau Pinang. Berikut dijelaskan hasil perbincangan.

Mustafa (1995) menjelaskan bahawa amalan yang dipanggil *mandi buang sial* dimana gadis tersebut dimandikan dengan air limau adalah suatu perbuatan mencemarkan kesucian agama Islam. Sial atau bala yang dikenakan oleh seseorang adalah tidak ada kaitan dengan makluk. Allah yang memberi kemudarat atau kebahagian. Seterusnya khidmat bomoh digunakan untuk *menelek jodoh* bagi melihat sama ada pasangan hidup anak mereka serasi atau tidak. Amalan ini juga suatu perbuatan syirik. Selain itu, mandi safar ini juga dilakukan untuk membuang majal sial pada bakal pengantin yang berhasrat melangsungkan. Perbuatan ini adalah suatu yang tidak bertamadun kerana amalan orang jahiliah. Manakala pada hari Rabu bulan Safar dianggap sebagai bulan sial adalah suatu kepercayaan yang salah. Tidak ada sial dalam bulan Islam.

Menurut M Adlan (2012), masih terdapat beberapa amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam adat Istiadat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan ini. Antara amalan itu ialah pengantin perempuan dikalungkan *thali* dan *bunga malei* sebagai simbol suci perkahwinan. Hal ini bertentangan dengan ajaran Islam kerana ia merupakan amalan masyarakat India yang percaya *thali* ini sebagai simbol tuah dan suci dalam alam perkahwinan. Berdasarkan temubual bersama Nurul Takwa (2012) menjelaskan bahawa kalungan *thali* pada pengantin perempuan masih diamalkan tetapi tidak menggunakan kain kuning dan kunyit seperti yang dilakukan oleh Masyarakat India. Mereka menukar *thali* tersebut kepada kalungan rantai yang diperbuat daripada manik dan kepingan emas berbentuk buah gandum. Mereka menukarkan

*thali* itu kepada bentuk rantai emas supaya tidak menyamai niat pemakaian *thali* itu sebagai simbol tuah dan kesucian dalam hubungan sesebuah perkahwinan. Penulis merasakan adat istiadat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan ini masih jelas terdapat pengaruh agama dan budaya Hindu yang masih diamalkan oleh masyarakat India. Justeru, penulis merasakan perkara tersebut adalah bertentangan terutamanya apabila mereka mempercayai *thali* itu sebagai simbol suci dan dengan pemakaian *thali* itu akan dapat mengelak keburukan.

Merujuk kepada adat persiapan majlis persandingan, S. Azeeza (2012) menjelaskan bahawa perbuatan pengantin perempuan membuang bulu kening dan mencukur bulu romba adalah bertentangan dengan hukum Islam. Allah S.W.T melaknat orang yang melakukannya (mak andam) dan orang yang meminta supaya dilakukan perbuatan tersebut. Perbuatan menepung tawar iaitu menabur beras kunyit semasa persandingan merupakan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Menurut Omar (2012), tujuan adat menepung tawar adalah untuk menambahkan semangat dan menghalau roh-roh jahat daripada mengganggu pengantin semasa walimatul urus berlangsung. Perbuatan ini merupakan amalan syirik dan amat bertentangan dengan ajaran Islam. Hal ini dijelaskan dalam Al-Quran seperti firman Allah dalam ayat 112 (surah?), iaitu “Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat”.

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman,

Maksudnya: Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

(Al-Quran, 1: 5)

Berdasarkan kepada nas-nas Quran di atas, dapat difahamkan bahawa tidak boleh manusia mensyirik Allah S.W.T. dengan sesuatu makluk lain selain Allah S.W.T. Kerana itu, kepercayaan oleh masyarakat Jawi Peranakan India Muslim Pulau Pinang bahawa perbuatan menepung tawar dipercayai boleh menghalau roh-roh jahat adalah haram dan mencemarkan kesucian Islam. Perbuatan tersebut adalah syirik dan setiap kemudarat serta manfaat telah ditetapkan oleh Allah seperti firman-Nya:

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): Tidak sekali-kali akan menimpa Kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal

(Al-Quran, 9: 51)

Menurut Nurul Nisa (2012), pengantin dihiaskan dengan pelbagai barang kemas yang melambangkan kekayaan masyarakat mereka. Masyarakat Jawi Peranakan India Muslim Pulau Pinang amat mementingkan taraf kekayaan kedua-dua belah pihak pengantin. Oleh sebab itu, pemilihan calon diurus oleh ahli keluarga dan bukan diuruskan oleh pengantin itu sendiri. Bertujuan untuk menjaga taraf sesuatu keluarga. Ketika mengadakan walimatul urus, diadakan secara besar-besaran dan para tetamu adalah yang setaraf sahaja. Orang miskin tidak diundang makan bersama. Pandangan ini diperakui oleh Zuria (2012) dan Syarifah (2012) menjelaskan bahawa tetamu ke majlis perkahwinan mestilah memakai barang perhiasan.

Masyarakat Jawi Peranakan India Islam Pulau Pinang dilihat mengutamakan taraf ekonomi yang baik sama ada dalam pergaulan sehari-hari dan urusan perkahwinan. Walimatul urus suatu amalan tradisi yang mesti dilaksanakan secara besar-besaran adalah bertentangan dengan syariat Islam. Hukum mengadakan walimatul urus adalah sunat sebagai tanda pengisytiharan perkahwinan. Kerana itu, dilarang mengadakan kenduri kahwin secara besar-besaran sehingga ada yang terpaksa bergadai dan berhutang. Amalan ini adalah membazir dan boros. Perkara ini dilarang oleh syarak berdasarkan firman Allah S.W.T:

Maksudnya: dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah Engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.

(Al-Quran, 17 :26)

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa dilarang oleh Allah S.W.T. kepada umat Islam dalam membelanjakan harta secara berlebihan dan membazir dalam perkara yang tidak sepatutnya. Juga menegaskan bahawa memberi kemudahan kepada saudara mara yang bertandang ke sesbuah majlis perkahwinan dengan tidak membebankan mereka. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam amat menitik beratkan hubungan persaudaraan sesama Islam dalam pergaulan kehidupan sehari-hari.

Aswad (2012) mengatakan bahawa amalan memohon restu daripada makam atau keramat sudah tidak diamalkan oleh masyarakat Jawi Peranakan lagi. Perbuatan tersebut bertentangan dengan ajaran Islam dan merupakan perkara syirik iaitu menduakan Allah. Hanya segelintir masyarakat terutamanya yang masih mempunyai hubungan perniagaan rapat dengan masyarakat India di Jalan Masjid Kapitan Keling mengamalkan memohon restu daripada makam.

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, disimpulkan bahawa dalam amalan adat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang khususnya berkaitan dengan adat merisik bakal pengantin, adat meminang, berinai, majlis akad nikah, majlis kenduri dan persandingan dan memohon restu daripada nenek moyang agar perkahwinan mereka kekal sehingga ke anak cucu didapati mereka masih kuat berpegang kepada amalan tersebut hingga ke hari ini. Masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang masih terpengaruh dengan beberapa amalan dalam agama Hindu dibawa oleh masyarakat India. Mereka mencampur aduk amalan yang dituntut dalam Islam dengan amalan khurafat yang mencemarkan kesucian Islam. Istiadat perkahwinan itu sendiri merupakan adat resam yang diwarisi dan diperturunkan oleh nenek moyang mereka, oleh itu, amalan Islam mereka dalam perkara ini tidak dapat dibezakan dengan amalan masyarakat India yang bukan Islam. Mereka masih percaya kepada pantang larang dan adat yang diwarisi daripada nenek moyang mereka walau pun ada di antaranya bertentangan dengan Islam.

## Rujukan

- Abd Kadir, H. A. H., (2002). *Perkahwinan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abu Zahrah, M. (1957). *al-Ihwal al-Syakhsiyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Latifi, A. K. (2000). *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam Asy-Syafie*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Al-Quran (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir, 1756 pp.
- Aswad, K. I. M. (2012, November 17). Temubual oleh A Munir. Jalan Masjid Kapitan Keling, 10200 Pulau Pinang.
- Hanapi, D., (1984), *Politik Dan Budaya India Muslim di Pulau Pinang: Satu Persoalan Teoritis Etnisiti Dalam Malaysia Masa Kini*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- M Adlan, M. (2012, November 17). Temubual oleh A Munir. Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang.
- Mustafa, D., (1995). *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributor.
- Noor Aini A. (2005). *Adat Resam dan Etiket Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Noriah, M. & Omar, Y. (2010). Tinjauan Identiti Dan Bahasa Hibrid Dalam Kalangan Samsam, Baba Nyonya Dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia, *International Journal Of The Malay World*, Naonrdi Achi Vmilioshaatimone.
- Nurul Nisa, R.(2012, November,16). Temubual oleh A Munir. Pejabat Agama Islam Pulau Pinang.
- Nurul Taqwa, H. (2012, November 17). Temubual oleh A Munir. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Omar, Y. & Jamaluddin, A. (2010), *Jawi Peranakan Di Pulau Pinang Ekspresi Sebuah Identiti*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Omar, Y. (2012, November 16). Temubual oleh A Munir. Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi, A. A. (2007), *Dari Tanjung Penaga ke George Town Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Syarifah, F.M. (2012, November 15). Temubual oleh A Munir. Jalan Masjid Kapitan Keling, 10200 Pulau Pinang.
- S Azeeza, B.K.AM. (2012, November 15). Temubual oleh A Munir. No.3 Nasrat Jewellery Centre, Jalan Masjid Kapitan Keling, 10200 Pulau Pinang.
- Zuria, I. (2012, November 15). Temubual oleh A Munir. Jalan Masjid Kapitan Keling, 10200 Pulau Pinang.

